

Pertandingan fotografi wujud kesedaran khazanah alam

Persatuan Zoologikal Malaysia

KUALA LUMPUR: Dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap khazanah flora dan fauna negara, Zoo Negara dengan kerjasama Country Heights Holdings Berhad dan Tourism Malaysia menganjurkan pertandingan Fotografi Hidupan Liar Malaysia 2008.

Sembilan kategori dipertandingkan iaitu Anugerah Hutson, Spesies Terancam, Haiwan dan Habitatnya, Tingkah Laku Burung, Tingkah Laku Mamalia, Potret Haiwan, Keindahan Tumbuhan, Satu Dunia dan Alam Semula Jadi Dalam Hitam Putih.

Pemenang bagi pertandingan itu diumumkan pada majlis makan malam diadakan di sini. Hadaiah utama, wang tunai RM10,000 dan kamera digital diraih peserta dari Perak, Ling Ai Teng dengan imej bertajuk Kasih Sayang Ibu.

Pemenang bagi setiap kategori pula membawa pulang RM2,000 berserta kamera digital.

Pada majlis itu turut diadakan Pameran Fotografi Dari

Kaca Mata Jurugambar yang diharap dapat mendekatkan

lagi orang ramai untuk menghargai khazanah berharga yang sewajarnya dikongsi dengan generasi akan datang.

Pengarah penganjur pertandingan, Dr Mohamad Ngah, berkata pertandingan yang dianjurkan dua tahun sekali adalah juga bagi membantu mempromosikan keunikan alam semula jadi negara di mata dunia.

"Istimewanya kita akan menghantar juara pertandingan ini untuk pertandingan peringkat antarabangsa bagi berkongsi keunikan hidupan liar dan habitat kita," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Zoologikal Malaysia, Datuk Ismail Hutson, berkata pameran berkenaan adalah rentetan daripada pertandingan itu yang menghimpunkan koleksi imej terbaik penyertaan.

"Saya berharap sambutan hangat diterima pada pertandingan akan datang, sekaligus dapat meningkatkan sensitiviti kita terhadap flora dan fauna," katanya.

Turut diadakan pada majlis penyampaian hadiah itu adalah lelongan sembilan

gambar terbaik yang mana hasilnya bakal disalurkan semula kepada 'penghuni' Zoo Negara.



“Saya berharap sambutan hangat diterima pada pertandingan akan datang, sekali gus dapat meningkatkan sensitiviti kita terhadap flora dan fauna”

Ismail Hutson
Presiden



“Istimewanya kita akan menghantar juara pertandingan ini untuk pertandingan peringkat antarabangsa bagi berkongsi keunikan hidupan liar dan habitat kita”

Mohamad Ngah
Pegawai Pengarah Pertandingan



SARAH SULAIMAN / BERITA HARIAN

MOHAMAD (kanan) menerangkan sesuatu kepada Ismail pada majlis makan malam Gala Malaysia.